

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada *stakeholders* dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD kali ini merangkumi Kajian kes Impak Movement Control Order (MCO) bagi industri terpilih di Negeri Selangor, Perlis, Perak dan Kedah.

### Penafian:

Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

## PKP Fasa 2 Harapan Baru Buat Nelayan Selangor

- Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Langat dan Sepang menganggarkan 40% - 50% nelayan tidak turun ke laut dengan itu elaun sejumlah RM250 diberikan oleh kerajaan bagi meringankan beban para nelayan.
- Memandangkan ia merupakan perkhidmatan penting untuk rantai bekalan makanan kepada Negara, maka pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memberi keyakinan bahawa pada tempoh PKP Fasa 2, lebih ramai nelayan dibenarkan turun ke laut.

## Tempoh Operasi Premis di Perlis sepanjang PKP

Sektor/Premis	Tempoh Operasi
Pasar Borong	4.00 pagi – 8.00 pagi
Pasar Basah	7.00 pagi – 1.00 petang
Pengangkutan Awam	6.00 pagi – 10.00 pagi 5.00 petang - 10.00 malam
E-Hailing & Teksi	6.00 pagi – 10.00 malam
Stesen Minyak (Pam Minyak & Kedai Serbaneka)	7.00 pagi – 8.00 malam
Premis Keperluan Harian	
• Pasaraya, Kedai Runcit, Kedai Serbaneka	8.00 pagi – 8.00 malam
• Telekomunikasi (Pembaikan Telefon & Pembelian Prepaid Sahaja)	
Bengkel Kenderaan (Pembaikan Kenderaan & Jualan Alat Ganti Kenderaan Sahaja)	8.00 pagi – 8.00 malam
Premis Makanan: Restoran, Kedai Makan, Penjaja (Hanya Aktiviti Bungkus & Pandu Lalu Sahaja)	8.00 pagi – 8.00 malam
Pengangkutan Komersial (Digalakkan)	7.00 malam – 7.00 pagi
Penjualan Input Pertanian (Baja/Racun)	8.00 pagi – 8.00 malam (Isnin & Khamis Sahaja)
Kedai Hardware	8.00 pagi – 8.00 malam (Selasa & Jumaat Sahaja)
Penjualan Makanan, Ubatan dan Barang Keperluan Bagi Haiwan Kesayangan	8.00 pagi – 8.00 malam (Rabu & Sabtu Sahaja)

# Bekalan Hasil Pertanian Mencukupi Bagi Menampung 2.6 Juta Penduduk Negeri Perak

## INISIATIF AGENSI

### Sayur-sayuran dan Buah-buahan



Penurunan **70%**  
dalam jualan hasil  
tani pada minggu  
pertama  
pelaksanaan PKP

MOA Inc Negeri Perak dan FAMA membantu memasarkan hasil pertanian sejumlah 58 tan metrik sehingga 2 April melalui:

- Penjualan secara *pre order* atas talian di *website* [agrobazar.com](http://agrobazar.com);
- RTC Gopeng dijadikan *pick-up point* bagi pembelian atas talian;
- Penjualan di 53 outlet peruncitan diteruskan;
- 6 lokasi pengumpulan dijadikan pusat *pick up*;
- Operasi Pasar Tani Kekal di Lekir diteruskan; dan
- Jualan hasil tani melalui tempahan atas talian dan penghantaran ke rumah diuruskan oleh Jabatan Pertanian Perak

### Padi

Aktiviti penanaman padi di seluruh Negeri Perak yang melibatkan 18,482 pesawah dengan keluasan berjumlah 40,602 hektar juga **berjalan mengikut jadual**, kecuali sebahagian kecil di Daerah Kerian yang ditangguhkan selama 2 minggu disebabkan paras air yang rendah di Empangan Bukit Merah.

### Perikanan

LKIM telah menggerakkan Persatuan Nelayan (PN) Negeri dan Kawasan untuk membeli hasil daripada nelayan & memasarkan melalui:

- Outlet Pasar Nelayan;
- Menggunakan sistem penghantaran melalui *runner*; dan
- Persatuan Nelayan akan membuat penghantaran terus (*delivery*).

Jabatan Perikanan Malaysia turut memberi kelonggaran lesen pengusaha vessel yang telah tamat tempoh untuk beroperasi semasa PKP. Tempoh 3 minggu untuk perbaharui selepas PKP tamat. Manakala kilang pemprosesan ikan dan rantaianya di Perak beroperasi seperti biasa setelah mendapat kelulusan MITI. (2)




Hampir **40%**  
nelayan tidak  
turun ke laut  
semenjak  
pelaksanaan  
PKP



## Ternakan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak melaporkan bekalan **hasil ternakan stabil dan mencukupi** sepanjang PKP. Kedudukan bekalan hasil ternakan sepanjang PKP adalah seperti berikut:

- Bekalan daging ayam adalah berlebihan dan permintaan ayam "pencen" berkurangan hampir 30%;
- Bekalan telur ayam mencukupi untuk Negeri Perak dan juga eksport ke negeri lain;
- Eksport produk hasil ayam masih berterusan ke Sarawak dan Thailand;
- Tiada masalah bagi bekalan itik daging malah di eksport ke Singapura;
- Bekalan babi masih mencukupi malah dihantar ke negeri lain, namun harga bahan mentah meningkat dan *ex-farm* turun kepada RM8.00 sekilo;
- Bekalan daging semasa masih stabil, di samping kemasukan sembelihan dari negeri lain. Terdapat juga penternak ruminan Perak yang mengeksport ke negeri lain; dan
- Pengeluaran susu seperti biasa tetapi tidak dapat dipasarkan akibat kurang/tiada permintaan dari restoran-restoran. Oleh itu, kuota penerimaan susu oleh PPIT di Perak dikurangkan dari 18,000 liter ke 10,000 liter seminggu.



Permintaan pasaran daging ayam dan bekalan bahan mentah yang berkurang menyebabkan kebanyakan **integrator besar mula mengurangkan pemeliharaan anak ayam antara 30%-50%**.

Kesan dapat dilihat mulai Mei 2020.

## Syarikat Sarung Tangan di Perak Merekodkan Peningkatan Permintaan Dua Kali Ganda

- Semenjak pandemik Covid-19 telah merebak ke Amerika Syarikat dan Eropah, permintaan terhadap sarung tangan perubatan telah meningkat hampir dua kali ganda kapasiti pengeluaran syarikat tersebut.
- Namun semenjak pelaksanaan PKP, syarikat menghadapi **isu pekerja yang tidak mencukupi** dan terdapat sekatan perjalanan menyebabkan khidmat pekerja tempatan digunakan.
- Isu kekurangan pekerja ini bertambah lagi apabila MITI telah menetapkan bahawa semua syarikat *essential services* beroperasi dengan pekerja seramai 50%.
- Walau bagaimanapun, syarikat tersebut telah **berjaya meningkatkan pengambilan pekerja** terutamanya pekerja tempatan.
- Justeru, **tahap penggunaan kilang meningkat kepada 95% pada bulan Mac dan dijangka mencecah tahap maksimum pada April 2020.**



# Kajian ke Atas Peniaga Kecil di Negeri Kedah



## AKTIVITI KATERING

Dijangkaan pendapatan menyusut melebihi **50%** akibat pembatalan disaat akhir



## TUKANG JAHIT

Tempahan baju raya hanya 40% dan pendapatan dianggarkan berkurang **35% - 50%**



## KUIH TRADISIONAL

Pendapatan daripada jualan meningkat hampir **60%** kerana kebanyakan pelanggan membuat tempahan



## BISKUT DAN KEK

Penurunan tempahan sehingga **20% - 50%**



## SAYUR – SAYURAN

Hanya **60%** daripada 400 peniaga di Pasar Besar Alor Setar yang masih beroperasi

